



**KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

ARAS 9, BLOK D7, KOMPLEKS D
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : +603 - 8886 4000
Faks : +603 - 8889 2033
E-mel : hjothman@islam.gov.my
Laman Web : <http://www.islam.gov.my>



Ruj. Kam : JAKIM.BPP/(S)/100-09/01 Jld. 2 (38)
Tarikh : 10 Oktober 2012
05 Zulkaedah 1433H

Seperti di Senarai Edaran

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENCALONAN ANUGERAH MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT
KEBANGSAAN TAHUN 1434H/2013M**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, setiap tahun Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan memilih beberapa orang yang berkelayakan untuk diberi Anugerah Maulidur Rasul bersempena dengan perayaan sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan. Pada tahun hadapan, Majlis Anugerah Maulidur Rasul akan diadakan pada **12 Rabiul Awwal 1434H bersamaan 24 Januari 2013M** bertempat di **Masjid Putra, Putrajaya** di atas tema "**Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah**".

3. Sehubungan itu, jabatan ini memohon kerjasama ketua-ketua agensi kerajaan untuk mengemukakan satu pencalonan untuk anugerah Maulidur Rasul di kalangan pegawai dan kakitangan agensi masing-masing. Setiap calon yang berjaya akan menerima hadiah wang tunai, sijil penghargaan daripada Kerajaan Malaysia, plak dan cenderamata.

4. Untuk makluman Y.Bhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, pencalonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang seperti di lampiran yang juga boleh dimuat turun melalui Portal Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan di alamat <http://www.islam.gov.my/node/39942>. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah sampai kepada pihak urus setia selewat-lewatnya pada **23 November 2012** di alamat berikut :

Handwritten signature and initials:

Handwritten signature: *[Signature]*
Handwritten initials: *Handwritten initials*

Urus Setia Pencalonan Anugerah Maulidur Rasul 1434H/2013M
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 6, Blok D7, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 PUTRAJAYA
(u.p: En. Mohd. Zarifi bin Mohd. Daud / Pn. Rafidah bt. Ab. Razak)
Telefon : 03-8886 4301 / 4266/ 4297
Faksimili: 03- 8889 1993


5. Jabatan ini juga ingin memohon kerjasama semua agensi agar dapat membuat pautan web <http://www.islam.gov.my/node/39942> di agensi masing-masing ke Portal Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan melalui alamat sebagai hebahan kepada pegawai dan kakitangan di agensi masing-masing. Sebarang pertanyaan mengenai pencalonan, bolehlah dirujuk kepada pihak urus setia seperti alamat di atas.

6. Kerjasama semua agensi dalam menjayakan pencalonan anugerah ini sangat dialu-alukan dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, *wassalam*.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"WASATIYYAH TONGGAK KESATUAN UMMAH"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA)

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya